



## TAKLIMAT ISTIADAT PERMASYHURAN CANSELOR DAN MAJLIS KONVOKESYEN KOMEMORATIF KUKUM

Ke Bawah DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Tuanku Canselor KUKUM berkenan mencemar duli berangkat hadir dalam satu upacara ringkas bagi taklimat istiadat Permasyhuran Canselor dan Majlis Konvokesyen Komemoratif Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) pada 8 Mac yang lalu. Baginda hadir bersama DYTM Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah dan diiringi oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Dato' Mohiyadin Che Jan. Taklimat tersebut telah diadakan di dalam Dewan Keikhlasan di Aras 10.

Dalam taklimat tersebut Prof. Madya, Dr. Zuraidah Mohd Zain telah menerangkan secara terperinci tentang jubah yang akan dipakai oleh Tuanku semasa istiadat permasyhuran sebagai canselor itu nanti. Ia diikuti pembentang kerusi oleh Jamali Md. Shah dan diikuti dengan pembentangan cokmar oleh Prof. Madya Dr. Shamsul Baharin. Persediaan multimedia Tuanku Canselor oleh Nasrudin Abdul Shukor mengakhiri taklimat pada pagi itu.